

UJ 500

NO. SOALAN: 87

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG [ GELANG PATAH ]**

**TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara jelas pendirian Kerajaan Persekutuan mengenai cadangan penggubalan undang-undang jenayah Syariah yang tidak serasi dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan bertentangan dengan semangat kenegaraan Malaysia dan sama ada beliau bersetuju bahawa sebarang usaha untuk mengubah ketetapan Perlembagaan Persekutuan ini akan memecahbelahkan negara.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Fasal (2) Perkara 74 dan butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, undang-undang Islam diletakkan di bawah bidang kuasa

Negeri. Kuasa Negeri berkenaan dengan pewujudan dan penghukuman kesalahan terhadap perintah agama Islam hanya terpakai bagi orang yang menganut agama Islam sahaja dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Persekutuan. Bagi maksud tersebut, Pihak Berkuasa Agama Negeri telah menggubal dan menguatkuasakan undang-undang kesalahan berkaitan Syariah di negeri masing-masing.

Pada masa ini, Kerajaan Persekutuan sentiasa berusaha untuk memartabatkan pentadbiran keadilan Syariah termasuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, menaik taraf sistem kehakiman Syariah, menyemak semula kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah dan memantapkan aspek penguatkuasaan dan pendakwaan Syariah di negara ini.

Sekiranya mana-mana Kerajaan Negeri berhasrat untuk melaksanakan **undang-undang jenayah Syariah**, peruntukan undang-undang sedia ada perlu diteliti bagi memastikan pelaksanaan undang-undang tersebut selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa, agar dapat memenuhi prinsip-prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam penghukuman.

Oleh yang demikian, pelaksanaan undang-undang Islam hendaklah dibuat secara teratur mengikut kerangka Perlembagaan Persekutuan khususnya aspek pemakaian undang-undang Islam tersebut yang terhad kepada orang Islam sahaja bagi menjamin kestabilan dan keharmonian negara terpelihara.

Sekian, terima kasih.